

20 SEP 1997

Jerebu-Hamid

KESELURUHAN CADANG ATM DIARAH BERJAGA-JAGA BERIKUTAN JEREBU

JOHOR BAHRU, 20 Sept (Bernama) -- Menteri Pertahanan Datuk Syed Hamid Albar berkata keseluruhan cabang Angkatan Tentera Malaysia (ATM) diletakkan dalam keadaan berjaga-jaga berikutan pengisytiharan darurat di Sarawak oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam.

Beliau berkata keadaan berjaga-jaga itu bukan sahaja bagi Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) bahkan meliputi Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Tentera Darat untuk membantu keadaan yang dihadapi sekarang.

TUDM akan digerakkan untuk melakukan pembenihan hujan di Sarawak dengan menggunakan sama ada pesawat jenis Charlie atau Caribou mengikut kesesuaian, katanya kepada pemberita selepas mengadakan dialog dengan pengurus dan ketua rancangan tanah Felda daerah Kota Tinggi di sini, malam tadi.

Laporan hari ini yang memetik jurucakap Kementerian Pertahanan menyebut TUDM akan menggunakan pesawat C130 dari Pangkalan TUDM Labuan untuk tujuan itu memandangkan ia lebih sesuai dalam keadaan sekarang kerana ia boleh terbang tinggi berbanding pesawat jenis lain.

Darurat diisytiharkan di Sarawak buat pertama kali dalam sejarahnya apabila jerebu paling buruk melanda negeri itu dengan Indeks Pencemar Udara (API) mencecah 625 pagi semalam.

Syed Hamid berkata TUDM akan menjalankan tugas pembenihan hujan itu selagi dikehendaki.

"Selepas di Sarawak yang menjadi keutamaan, kita akan melakukan pembenihan hujan di Lembah Klang pula sebagai sebahagian daripada tugas kita mengikut arahan dari semasa ke semasa oleh Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Negara," kata beliau.

Ketika ditanya jumlah pesawat TUDM yang akan digunakan untuk pembenihan hujan di Sarawak, beliau berkata ia bergantung kepada keadaan tetapi buat permulaan dua atau tiga buah digunakan.

Menurutnya, pesawat-pesawat TUDM itu sudah dihantar ke Sarawak.

Mengenai operasi harian TUDM yang membabitkan helikopter terutamanya di pangkalan TUDM Kuching, Syed Hamid berkata segala aspek keselamatan akan diambil kira sebelum sesuatu penerbangan dibuat.

"Kalau tidak boleh terbang, kita tidak akan terbangkan. Dalam keadaan jerebu sekarang, helikopter ada masalah," katanya. -- BERNAMA

MKO WAT